

# Kabinet setuju ambil kira cadangan MAPEN untuk OPP

KUALA LUMPUR 16 Mei — Kabinet hari ini bersetuju mengambil kira cadangan-cadangan Majlis Perundingan Ekonomi Negara (MAPEN) untuk dimasukkan dalam pelan perspektif kasar (OPP) yang merupakan panduan pembentukan dasar baru ekonomi negara.

Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad ketika berkata demikian menegaskan, bagaimanapun cadangan itu tidak akan diterima bulat-bulat, sebaliknya cuma 'aliran fikirannya' sahaja.

"Kabinet akan mengkaji OPP dalam konteks laporan MAPEN," katanya kepada pemberita ketika melawat kilang mercurin di Sungai Buluh hari ini.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas hasil mesyuarat pertama kabinet mengenai OPP yang diadakan di sebelah pagi hari ini.

Perdana Menteri berkata, pada masa ini, pegawai yang terlibat telahpun mengkaji laporan MAPEN dan menyerahkan laporan mereka kepada kabinet.

Bagaimanapun, kata beliau, belum ada keputusan dibuat mengenai pelan berkenaan.

Ditanya mengenai bilangan cadangan MAPEN yang diterima, beliau berkata, tidak ada jumlah yang ditentukan.

Katanya, buat masa ini adalah tidak tepat untuk menyatakan bahawa kerajaan akan menerima bulat-bulat cadangan MAPEN kerana ia masih dibincangkan.

Menjawab satu soalan, Dato' Sri Dr. Mahathir berkata, pengagihan kekayaan di bawah OPP akan dibincangkan selepas pelan berkenaan selesai.

Beliau memberitahu, mesyuarat kabinet minggu depan akan berlangsung di Kuching, Sarawak, kali kedua diadakan di luar Kuala Lumpur. Kali pertama ialah di Langkawi.

"Kita berpendapat, elok juga kabinet bergerak dari bilik masing-masing, tengok keadaan di negeri-negeri supaya kita lebih sedar apa yang berlaku di luar ibu kota," ujar beliau.